

Realiti peranan kaunselor

BANTU PENAGIH BEBAS SEPENUHNYA DARIPADA DADAH

Oleh : ANITA ABU HASAN (siri akhir)

Jika sebelum ini, kita melihat kepada cara pemulihan holistik bekas penagih dadah melalui peranan pusat rawatan, kali ini kita melihat pula kepada cabaran yang dihadapi terutamanya bagi perawat ataupun kaunselor dalam menangani permasalahan ini.

Bagi menghadapi cabaran merawat dan memulihkan penagih dadah, pastinya seseorang kaunselor perlu bersedia dengan pelbagai pendekatan dan teknik rawatan.

Hakikat ini dibincangkan dalam Seminar Pencegahan Penyalahgunaan Dadah peringkat kebangsaan anjuran Pusat Penyelidikan Penyalahgunaan Asian (Acreda), Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), baru-baru ini menerusi pembentangan oleh Timbalan Pengarah Kanan, Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, Prof Madya Dr Abd Halim Mohd Hussin.

"Perlu ada latihan khusus bagi menyediakan kaunselor yang benar-benar profesional dalam bidang penagihan.

"Antaranya pengetahuan, kemahiran, kefahaman tinggi mengenai penagihan, pengetahuan terhadap rawatan dan pemulihan, kesediaan profesional, aplikasi serta memiliki etika," katanya.

Menurutnya, pentingnya kaunselor profesional ialah supaya dapat membantu penagih bebas sepenuhnya daripada dadah dan berupaya mengamalkan gaya hidup sihat bagi mengelakkan kemungkinan mereka

kembali menagih atau relapse.

"Kaunselor perlu menggalakkan mereka supaya membina program kepulihan sendiri selepas menamatkan rawatan dari mana-mana pusat rawatan.

"Pada masa sama, kaunselor perlu bersedia jika penagih memerlukan pertolongan dan sokongan untuk mengatasi masalah yang dihadapi mereka," katanya.

KEPROFESIONALAN PERAWAT

Dikaitkan dengan cara rawatan bersifat holistik, pastinya hujah berkenaan kaunselor itu memerlukan perbincangan lebih teliti khususnya dalam konsep rawatan pemulihan dadah berteraskan Islam yang diperjuangkan Acreda sebelum ini.

Bagaimanakah tahap keprofesionalan perawat atau mungkin terdapat seorang kaunselor di pusat rawatan Islam?

Bukan itu sahaja, pastinya modul dan cara Islam yang digunakan perlu dibincangkan secara meluas supaya lebih diyakini oleh masyarakat termasuk penagih itu sendiri berikutan faktor silang budaya.

Antaranya adalah peluang kepada pesakit bukan Islam yang ingin berubat dan sejauh mana keterbukaan golongan perawat atau kaunselor di pusat rawatan Islam menerima mereka? Yang jelas, apakah pendekatan atau modul yang digunakan kepada mereka?

Kembali kepada kesimpulan dibentangkan Pengarah Acreda, Prof Madya Dr Mohd Rushdan Mohd Jailani yang mana modul standard bagi pusat rawatan pemulihan dadah berteraskan Islam perlu diwujudkan selain menyediakan garis panduan pemulihan berasaskan pembuktian (evidence based).

Jaringan insan yang terlibat pastinya melibatkan perawat dan kaunselor kerana mereka bakal mengendalikan seorang penagih dadah.

Sehubungan dengan ini, bagaimanakah ia dilaksanakan di dalam konsep rawatan dan

pemulihan berteraskan Islam. Tidakkah ini menunjukkan supaya kemahiran pendekatan holistik itu perlu ada pada diri seseorang perawat dan kaunselor?

Justeru rawatan cara Islam juga perlu lebih praktikal sejajar dengan sains kesan dadah ke atas manusia. Mungkin sahaja ini yang perlu kita bincangkan lagi.

Terdahulu, seminar dua hari itu disertai pelbagai agensi kerajaan, mahasiswa dan orang ramai melibatkan pembentangan kertas kerja yang berkaitan rawatan pemulihan berkonsepan Islam.

Dalam pada itu, difahamkan perjuangan Acreda menerusi elemen kemanusiaan dan pendekatan pemulihan berasaskan Islam dalam menyelesaikan masalah dadah di negara ini mula mendapat perhatian negara Asia Barat.